



**KOLEJ  
FELCRA**

**TUGASAN**

---

**KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PEMAKANAN KANAK-KANAK**

**(AK2324)**

**KEMASUKAN NOVEMBER 2018**

---

**ARAHAN KEPADA PELAJAR**

1. Tugas ini mengandungi **TIGA (3)** soalan tuagasan sahaja yang disediakan dalam bahasa Melayu. Jawab dalam **bahasa Melayu**.
2. Tugas anda hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 Times New Roman dan langkau baris 1.5.
3. Tugas anda hendaklah tidak melebihi 13 halaman bercetak dan tidak kurang daripada 10 halaman bercetak tidak termasuk muka depan.
4. Anda dikehendaki menghantar tugas **SECARA BERSEMUKA** kepada pensyarah anda.
5. Tugas anda hendaklah diserahkan sebelum atau pada **MINGGU 6** sebelum jam 5 petang. Serahan **selepas itu**, **TIDAK** akan diterima.
6. Tugas hendaklah disiapkan secara individu. Anda dilarang meniru tugas orang lain. Anda juga dilarang sama sekali memplagiat kerja orang lain sebagai kerja sendiri.

---

**SOALAN TUGASAN  
TUGASAN 1 (PASANGAN)**

---

- Setiap pasangan pelajar (dua orang sahaja) perlu menyediakan sebuah buku cerita (**big book**) yang berkaitan '**PANDUAN KESIHATAN**' (contoh tajuk : cara penjagaan makanan, khasiat buah, panduan menyusu dan lain-lain). Tajuk dan Plot cerita tersebut perlulah mempunyai nilai kesihatan dan pendidikan yang mudah di fahami dan bersesuaian dengan kanak-kanak di prasekolah. Berdasarkan tajuk cerita yang dipilih, anda di kehendaki menyediakan sebuah buku cerita (big book) yang menarik, kreatif, mempunyai **nilai-nilai keselamatan** serta sesuai dan selamat untuk kegunaan kanak-kanak.
  
- Kajian ilmiah anda perlu mengandungi **kreteria** yang telah ditetapkan seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA</b>
1	Fomat a) Saiz 'big book' b) Bilangan muka surat 8-10 c) Tajuk cerita yang dipilih (isu keselamatan)
2	Sinopsis a. Mempunyai nilai keselamatan (berkaitan dengan isu keselamatan) b. Mempunyai nilai pendidikan (nilai moral dan pengajaran) yang mudah difahami dan bersesuaian dengan kanak-kanak.
3	Ciri-ciri keselamatan big book (fizikal: tahan lasak, tidak mudah koyak, tidak berbucu tajam dan lain-lain)
4	Kreativiti  Ciri fizikal big book sinopsis grafik dan penulisan

\*Tugasan berpasangan perlu dihantar pada hari **minggu 6** pada sesi perkuliahan.

---

## SOALAN TUGASAN TUGASAN 2 (KUMPULAN)

---

Setiap kumpulan ( 4 orang ahli) perlu menghasilkan sebuah kajian kes kemalangan kanak-kanak. Kajian kes kemalangan ini merupakan kajian terhadap kes kemalangan dalam kalangan kanak-kanak ( artikel akhbar) berdasarkan kepada DUA (2) Jenis senarai semak keselamatan seperti yang telah dipelajari.

Arahan : Untuk menghasilkan tugas ini, setiap kumpulan dikehendaki :

### **BAB 1 : SENARAI SEMAK KESELAMATAN**

1. Membuat kajian terhadap DUA (2) jenis senarai semak keselamatan yang perlu diterjemahkan dalam bentuk peta minda. (UNDIAN-PILIH DUA SAHAJA)
  - a) Senarai semak untuk kelelasan
  - b) Senarai semak keselamatan untuk racun
  - c) Senarai semak keselamatan untuk kenderaan
  - d) Senarai semak keselamatan untuk aktiviti luar
  - e) Senarai semak keselamatan untuk alat permainan
  - f) Senarai semak keselamatan untuk luka & tertikam
  - g) Senarai semak keselamatan untuk terlekat & tercekik
  - h) Senarai semak untuk melecure, kejutan elektrik atau api
  - i) Senarai semak keselamatan agar barangan tidak terjatuh
  - j) Senarai semak keselamatan dibilik darjah/ luar prasekolah/ tempat makan/ dan tandas
  
- ✓ Berikut merupakan kriteria mengenai senarai semak keselamatan yang diperlukan dalam peta minda tersebut :
  - a) Ciri-ciri senarai semak keselamatan tersebut
  - b) Kepentingan senarai semak keselamatan tersebut (kepada kanak-kanak, guru dan ibu bapa)
  - c) Jangkaan risiko kemalangan akibat tidak meniti beratkan senarai semak keselamatan tersebut.

## **BAB 2 : KAJIAN KES KEMALANGAN KANAK-KANAK**

Seterusnya dikehendaki :

2. Mencari DUA (2) contoh artikel daripada akhbar (Januari 2014-terkini) yang merujuk kepada kes kemalangan kanak-kanak (bawah 18 tahun) yang bersesuaian bagi setiap jenis senarai semak keselamatan tersebut. Setiap kes dalam artikel tersebut perlulah dikaji dengan menggunakan Teknik Kepner Tregoe (apa, bila, siapa, dimana, mengapa, bagaimana) yang diterjemah dalam bentuk peta minda. Kemudian, huraikan nilai dan pengajaran daripada setiap kes tersebut.

- ✓ Contoh kajian kes kemalangan kanak-kanak berdasarkan teknik kepner tregoe:
  - i. Apa - Sumber (Artikel surat khabar - contoh : Berita Harian, Metro, Kosmo dan lain-lain lagi).
    - Jenis kemalangan yang berlaku ( contoh : lemas, kemalangan jalan raya, tersedak susu, tercedik guli dan lain-lain lagi)
  - ii. Bila - Waktu Kemalangan tersebut berlaku (tarikh, hari, masa)
  - iii. Siapa - Mangsa kemalangan (kanak-kanak), peranan ibu bapa dan masyarakat
  - iv. Dimana - Tempat berlakunya kemalangan/ Tempat rawatan
  - v. Mengapa - Faktor-faktor berlakunya kemalangan (contoh: persekitaran kecuaiian, kepenatan, kejahilan dan lain-lain lagi)
  - vi. Bagaimana - Cara penyelesaian/ tindakan susulan/ cara rawatan.

## **BAB 3 : TEORI KEMALANGAN DOMINO**

Seterusnya dikehendaki:

3. Mengkaji setiap kes kemalangan yang dibincangkan tersebut berdasarkan urutan peristiwa dalam teori kemalangan domino dan diterjemahkan dalam bentuk peta minda. Penulis boleh menjangkakan faktor-faktor tersurat dan tersirat berlakunya kemalangan tersebut.

Urutan peristiwa dalam teori kemalangan domino :

- a) Keturunan/ persekitaran sosial
  - b) Kesilapan manusia
  - c) Tindakan tidak selamat
  - d) Kemalangan
  - e) Kecederaan
-

## **SOALAN TUGASAN TUGASAN 3 (KUMPULAN)**

---

Secara berkumpulan (4 orang ahli) dikehendaki membuat satu sesi masak makanan kanak-kanak/ umur dan merancang/ membina bahan promosi kesihatan yang terdiri daripada:

1. Poster
2. Pamphlet/brochure

### **SEBELUM PROGRAM**

1. Setiap kumpulan sekurang-kurangnya seramai 4 orang ahli.
2. Bina organisasi anda.
3. Setiap kumpulan perlu menghantar draf/ proposal sebelum menjalankan aktiviti. (minggu ke 5) sebelum 3 petang.
4. Tarikh berlangsung program akan diberitahu.

### **SEMASA AKTIVITI**

1. Semua ahli terlibat dalam aktiviti tersebut.
2. Buat persediaan memasak dan kerjasama kumpulan dalam aktiviti yang dijalankan.
3. Catat aktiviti yang dijalankan dapat memberikan respon yang positif atau negatif melalui penglibatan pelajar kolej dan para pensyarah terhadap aktiviti anda.
4. Rakam semua aktiviti melalui kamera video dan ambil gambar, sebagai bukti aktiviti yang dijalankan.

### **SELEPAS AKTIVITI**

1. Buat laporan akhir setiap bahagian dan pemerhatian yang telah dijalankan.
2. Isi laporan mengandungi :
  - a. Masukkan semua maklumat yang sudah dibaiki sama seperti yang ada dalam proposal ( pendahuluan, senarai organisasi, maklumat program, senarai aktiviti, bajet dan lain-lain)
  - b. Maklumat setiap bahagian/ masalah yang dihadapi
  - c. Aktiviti yang dijalankan
  - d. Maklumat berkenaan pemerhatian yang dijalankan

- e. Hasil keseluruhan program ( mencapai matlamat atau tidak)/ tunjuk melalui graf atau carta peratusan pelajar dan pensyarah yang terlibat.
3. Hantar laporan bersama softcopy video/ gambar yang diambil. ( dalam bentuk DVD)
4. Hantar keseluruhan laporan dalam bentuk softcopy (laporan penuh, rakaman video/ gambar) dan hardcopy (laporan penuh) pada minggu ke 12, sebelum 12 tengah hari.
5. Pembentangan laporan semasa menghantar laporan.

## **CARA MEMBUAT PROPOSAL PROGRAM**

1. Muka hadapan - sepertimana membuat tugas
2. Pengenalan - apa tujuan program
3. Objektif - sekurang-kurangnya empat
4. Visi/misi program
5. Maklumat program - tarikh/ masa/ tempat/ hari
6. Golongan sasaran
7. Carta organisasi
8. Cadangan aktiviti (sekurang-kurangnya 6 aktiviti)
9. Tentative program
10. Belanjawan
11. Penutup
12. Tandatangan - setiausaha ( disediakan oleh), pengarah (disahkan oleh), pensyarah (disemak oleh).

## **CARA MEMBUAT LAPORAN**

1. Masukkan semua bahagian dari proposal :
  - a) Tukar cover page depan jadi laporan program
  - b) Tukar maklumat di bahagian pendahuluan/ pengenalan kepada perkara yang sudah berlaku.
  - c) Tukar maklumat yang sudah berubah seperti maklumat program, tentatif, aktiviti dan belanjawan.
  
2. Tambah maklumat lain seperti :
  - a) Laporan setiap bahagian (sebelum dan semasa aktiviti- tugas yang dijalankan serta masalah yang berlaku)
  - b) Maklumat pemerhatian (tunjuk guna draf dan mesti ada ayat penerangan)
  - c) Penutup- cerita secara keseluruhan program adakah berjaya atau tidak.
  
3. Buat lampiran dan mesti ada :
  - a) Masukkan gambar - letak 6 keping sahaja satu page
  - b) Semua minit mesyuarat dan resit-resit perbelanjaan serta surat-surat
  - c) Letakkan VCD (ada softcopy laporan penuh, gambar dan video)



**PERINGATAN!!!**

**SILA SIMPAN SEGALA TUGASAN  
YANG ANDA BUAT DALAM  
EMAIL KERANA IA LEBIH  
SELAMAT!**

**TIADAK AKAN ADA ISU LAPTOP  
ANDA BERMASALAH DAN  
SEBAGAINYA.**

**SEKIRANYA TIDAK BERBUAT  
DEMIKIAN DAN BERLAKU  
MASALAH, ANDA AKAN  
DIGAGALKAN SUBJEK INI!!**